

KHEDN SEMARAKKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DENGAN CERAMAH KHAS

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Oktober. - Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatan di bawahnya, kelolaan Jabatan Buruh diadakan pada hari ini, 19 Rabiulawal 1443 Hijrah bersamaan dengan 26 Oktober 2021 Masihi secara maya, bermula jam 1.45 petang.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng.

Majlis dimulakan dengan Persembahan Selawat daripada Pasukan Dikir Jabatan Buruh.

Majlis, seterusnya turut diserikan dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Maulidur Rasul, bertemakan 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat', disampaikan oleh Penolong Profesor Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Kamaru Salam bin Yusof.

Majlis disemarakkan dengan Persembahan Dikir Marhaban

daripada Pasukan Dikir Jabatan Buruh.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, dibacakan oleh Penolong Profesor Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Dr. Kamaru Salam.

Majlis keagamaan ini merupakan salah satu kegiatan tahunan KHEDN dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi mengimarahkan dan menyemarakkan lagi Hari-hari Kebesaran Islam di Negara Brunei Darussalam.

Ia merupakan salah satu acara untuk sama-sama meraih keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga syafaat daripada Nabi Muhammad

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di bawahnya, kelolaan Jabatan Buruh yang diadakan secara maya.

Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan memperbanyakkan selawat ke atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dan ahli keluarga Baginda.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, tahun ini, julung kalinya diadakan secara maya,

berikutan penularan jangkitan COVID-19 yang melanda negara ini.

Turut menyertai majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Negara juga daripada kalangan para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung; Setiausaha-

Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; Pegawai-pegawai juga kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.



Berkongsi dugaan, cabaran Rasulullah Kekasih Allah



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyertai Sambutan Maulidur Rasul menerusi siaran langsung yang diadakan dalam talian, anjuran UBD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) meraikan Sambutan Maulidur Rasul menerusi siaran langsung yang diadakan dalam talian.

Selaras dengan tema pada tahun ini, 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat', forum bertajuk 'Ujian Rasulullah'

itu disampaikan oleh ahli-ahli akademik Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi Haji Abdul Muluk dan Dr. Nazirul Mubin Ahad.

Moderator forum, Pegawai Ugama, Mohammad Dzulhili Haji Moharefandi dari Unit Keagamaan dan Khidmat Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Pada forum tersebut, ahli panel berkongsi dugaan dan cabaran yang dihadapi oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam suatu ketika dahulu.

Memandangkan kita berada dalam situasi pandemik COVID-19, ahli panel membincangkan bagaimana pengajaran daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dapat membimbing

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

masyarakat ketika dalam menangani tekanan dan cabaran yang dihadapi dengan baik pada waktu ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara secara dalam talian itu, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Turut hadir, dekan-dekan dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai UBD, kakitangan dan para mahasiswa.

Forum itu disiarkan secara langsung melalui aplikasi Instagram bagi membolehkan orang ramai mengambil bahagian. Sesi soal jawab bersama ahli panel dijalankan menggunakan aplikasi Slido.

Forum tersebut merupakan kerjasama antara Unit Keagamaan dan Khidmat Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Jawatankuasa Eksekutif Keagamaan dan Kerohanian di bawah Majlis Perwakilan Pelajar UBD.

Arahan Pemakaian Sungkup Muka

Sesiapa yang gagal mematuhi arahan pemakaian sungkup muka tersebut boleh dikenakan denda kompaun sebanyak \$100 di bawah Bab 62(A) Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

KUIZ KENALI ASEAN

Sempena Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN 2021 bertemakan "We Care, We Prepare, We Prosper"

4 September 2021 - 24 Oktober 2021

PEMENANG kuiz Kenali ASEAN Soalan 14 Nama : Nor Shahira Binti Sawal No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-064645